

PENSEJARAHAN MALAYSIA: TEMPATNYA DALAM PROSES PEMBINAAN NASION*

Ahmat Adam**

Abstrak

Makalah ini membincangkan peranan pensejarahan dalam proses pembinaan nasion Malaysia dengan menekankan kepentingan memori kolektif, kefahaman sejarah yang menyeluruh, dan pendekatan historiografi yang inklusif. Penulis berhujah bahawa salah faham terhadap isu-isu perkauman dan politik kebangsaan berpunca daripada kelemahan pemahaman terhadap proses sejarah yang panjang dan kompleks, bermula dari zaman pra-kolonial, era kolonial Eropah, sehingga pembentukan negara moden pasca Perang Dunia Kedua. Sejarah Malaysia digambarkan sebagai suatu pengalaman yang bersifat majmuk dan berlapis, dibentuk oleh interaksi pelbagai tamadun, migrasi, penjajahan, serta konflik dan kerjasama antara kaum. Makalah ini turut meneliti isu periodisasi dalam pensejarahan Malaysia, peranan gerakan politik kiri, pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1957, serta prinsip-prinsip asas seperti kewarganegaraan, kebebasan asasi, agama, bahasa kebangsaan, kedudukan Raja-Raja Melayu, dan hak istimewa orang Melayu serta anak negeri Sabah dan Sarawak. Penulis menegaskan bahawa pembinaan nasion Malaysia tidak boleh difahami melalui naratif satu kaum atau satu tradisi semata-mata, sebaliknya memerlukan penulisan sejarah yang berasaskan penyelidikan jujur, terbuka, dan mencerminkan *shared history*. Sejarah, dalam konteks ini, berfungsi sebagai wahana penting untuk memperkukuh jati diri kebangsaan dan kesepaduan dalam sebuah negara yang berbilang kaum, budaya, dan agama.

Kata kunci: *Pensejarahan Malaysia; Pembinaan Nasion; Memori Kolektif; Perlembagaan Persekutuan; Masyarakat Majmuk*

Abstract

This article examines the role of historiography in the process of nation-building in Malaysia, emphasising the importance of collective memory, comprehensive historical understanding, and an inclusive historiographical approach. It argues that contemporary misunderstandings surrounding ethnic relations and national politics stem largely from inadequate

* Makalah dibentangkan pada 29 Ogos 2018 di Kongres Sejarah Malaysia Ketiga, Kuala Lumpur.

** Datuk Dr. Ahmat Adam ialah Profesor Emeritus Universiti Malaysia Sabah.

engagement with Malaysia's long and complex historical development, spanning the pre-colonial era, European colonial rule, and the formation of the modern state after the Second World War. Malaysian history is presented as a layered and plural experience, shaped by interactions among multiple civilisations, migration, colonial intervention, and inter-ethnic cooperation and conflict. The article also addresses critical issues in Malaysian historiography, including problems of periodisation, the role of left-wing political movements, the drafting of the 1957 Federal Constitution, and foundational principles such as citizenship, fundamental liberties, religion, the national language, the position of the Malay Rulers, and the special rights of Malays and the indigenous peoples of Sabah and Sarawak. It contends that Malaysian nationhood cannot be understood through a mono-ethnic or singular historical narrative, but instead requires an honest, open, and research-based reconstruction of a shared past. In this respect, history serves as a vital instrument for strengthening national identity and social cohesion within a multi-ethnic, multicultural, and multi-religious society.

Key words: *Malaysian Historiography; Nation-Building; Collective Memory; Federal Constitution; Plural Society*

Pengenalan

Setiap orang yang telah mencapai kedewasaan berfikir pastilah mempunyai ingatan yang terkait dengan pengalaman dirinya. Bahkan melalui ingatannya itulah dia mengenali dirinya. Bagi sesuatu bangsa pun ingatan menyeluruh terhadap peristiwa-peristiwa yang telah dilalui oleh bangsa itu juga pasti mengingatkan para anggotanya tentang siapa sebenarnya mereka itu --- seperti misalnya asal-usulnya wilayah kediamannya, dan ciri-ciri kehidupan dan warisan budaya yang dikongsinya bersama dengan lain-lain anggota yang turut menampilkan suatu jati diri yang sepunya. Ingatan bersama yang dijalin oleh pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh para anggota bangsa itulah yang disebut memori kolektif dan ia menjadi penting kerana peranannya menyuburkan apa yang dinamakan '*national ego*'.

Sejarah dan pembinaan nasion¹

Sejarah adalah cabang ilmu penyelidikan yang cuba merumuskan penceritaan tepat dan pemahaman yang sah terhadap masa lampau sesuatu masyarakat. Tetapi sejarah pun memerlukan kesinambungannya. Sejarah merupakan proses pengalaman menyeluruh terhadap

1 Menurut *Online Etymology Dictionary*, kata nasion berasal daripada kata Perancis Kuno *nacion* yang bererti kelahiran, pangkat, keturunan, keluarga, bangsa sekumpulan orang (*race of people*), negara, tanah tumpah darah. Nasion terbentuk kerana keterasingan geografis ataupun ia terbentuk sebagai kesan daripada emigrasi. Istilah "nasion" (*nation*) dalam bahasa Inggeris merujuk kepada suatu kelompok besar orang yang disatukan oleh nenek moyang yang sama atau keturunan yang sepunya (*common descent*), kebudayaan, atau bahasa, dan mendiami sebuah negeri atau wilayah.

penghasilan kejadian-kejadian yang berlaku sampailah kepada situasi yang mencirikan keadaan masa kini. Jika kita mahu berbicara mengenai sejarah Malaysia, maka prosesnya itu harus dilihat daripada masa lalu yang dapat dibuktikan kesahihan peristiwa-peristiwanya sampailah kepada masa kini yang merupakan hasil daripada proses yang panjang itu. Masa lampau dan realiti masa sekarang seharusnya boleh menjelaskan mengapa keadaan masa kini sedemikian rupa bentuknya.

Bahawa sejarah amat penting bagi sebuah nasion muda seperti Malaysia adalah jelas. Salah faham mengenai isu-isu kaum -- yang ada kaitannya dengan kejahilan mengenai proses sejarah pembinaan nasion -- menandakan betapa perlunya rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan budaya diberikan pencerahan sejarah. Langkah ini perlu kerana kajian ilmu sejarah sama seperti kajian ilmu-ilmu sastera yang lain adalah bertujuan menangani aspek-aspek kehidupan manusia dan dalam konteks perbincangan mengenai masyarakat Malaysia ia menyentuh kehidupan bernegara.

Dalam makalah ini saya menggunakan istilah “pensejarahan” (sama seperti membentuk kata “penswastan”, “pensyaratan” dan “penstrukturan”) dan tidak “penyejarahan” seperti yang ditunjukkan oleh *Kamus Dewan Bahasa*. Bagi saya “pensejarahan” lebih mudah ditanggapi untuk menyerlahkan makna periwayatan sejarah, baik yang bersifat tertulis mahupun lisan.²

Satu ciri yang kelihatan pada aliran sejarah negara ini ialah betapa ia memiliki unsur-unsur beraneka (*diversity*) yang menampilkan perbezaan dan kelainan. Sifat kepelbagaian ini justeru kerana sejarah silam Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada perjalanan sejarah serantau. Sejarah rantau ini yang disebut “Nusantara” pula terangkum pada masa-masanya di dalam kerangka sejarah yang lebih besar iaitu sejarah yang terdedah kepada anasir-anasir peradaban yang berbeza. Sama seperti sejarah Nusantara, sejarah wilayah-wilayah yang kini terangkum dalam negara Malaysia pun terdedah kepada anasir-anasir tamadun India, yang membawakan budaya dan agama Hindu-Buddha walaupun bumi Nusantara sendiri telah memiliki budaya dan sistem kepercayaan yang jarang disebutkan, iaitu animisme. Selain itu kontak dengan kebudayaan Cina, Arab dan Parsi juga telah memberikan pengaruh kepada bahasa dan kesusasteraan, serta adat resam. Justeru yang demikian, kedudukan wilayah-wilayah Malaysia, baik yang di Semenanjung mahupun di Borneo, pada zaman silam telah diwarnai oleh berbagai ragam kebudayaan dan melahirkan peristiwa-peristiwa yang menampakkan ciri-ciri kepelbagaian atau keberlainan. Oleh kerana itu apabila orang berbicara mengenai sejarah zaman silam Malaysia maka mereka tidaklah boleh melupakan keterkaitannya dengan sejarah rantau kepulauan Asia Tenggara seperti hubungannya dengan Sriwijaya, Majapahit dan Brunei serta juga Singapura tua.

Sekalipun pada dasarnya maklumat sejarah purbakala ini belum digarap dengan mencukupi tetapi menyedari peri pentingnya memahami anasir-anasir luar itu dalam pentafsiran sejarah negara ini maka ia harus menyedarkan sejarawan betapa lebih banyak penyelidikan perlu dilakukan oleh mereka dan boleh pula merangsang minat pelajar sejarah di institusi-institusi pengajian tinggi. Bahkan sejarah periode yang lebih terkemudian pun, masih amat kurang dikaji. Pada abad ke-17, umpamanya, negeri-negeri seperti Perak, Kedah, Pahang dan Johor, serta juga Melaka ketika ia masih berada di bawah pemerintahan Portugis, mengalami

2 “Penyejarahan” seperti yang dicatat oleh *Kamus Dewan* membawa makna penulisan sejarah; manakala “persejarahan” ditakrifkan sebagai “perihal sejarah, yang berkaitan dengan sejarah”.

pertembungan dengan budaya Aceh ketika negeri itu diperintah oleh Iskandar Muda. Tidak ramai orang yang mengetahui misalnya betapa Laksamana Aceh hampir menakluki Melaka pada tahun 1629 dan betapa anak Raja Perak dan Pahang pernah dirajakan sebagai Sultan Aceh. Dalam pada itu penjarahan dan perluasan pengaruh orang Bugis-Makasar di Semenanjung pada penghujung abad ke-17 dan periode abad ke-18 sehingga mencampuri urusan politik orang Melayu dan berperanan mendirikan kerajaan Selangor serta mencampuri urusan politik Johor-Riau-Lingga pun perlu dikaji. Misalnya tidak ramai yang tahu bagaimana keluarga Temenggung Abdul Rahman yang berdarah Bugis terlibat dalam politik negeri Johor dan terlibat pula bersama-sama Sultan Husin Syah dalam penyerahan pulau Singapura kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris melalui beberapa perjanjian -- iaitu antara Temenggung dan Raffles, pada 29 Januari 1819, antara Temenggung dan Sultan Husin dan Raffles, pada 6 Februari 1819, dan antara Temenggung dan Sultan, dan Raffles dan Farquhar, pada 25 Jun 1819. Ini diikuti dengan perjanjian antara Temenggung dan Sultan, dan Raffles, pada 7 Jun 1823 dan akhirnya antara Temenggung dan Sultan, dan John Crawfurd, pada 2 Ogos 1824.³

Perjanjian pada 6 Februari 1819 itu memberikan hak kepada British untuk menduduki Singapura dan Sultan Husin Syah menerima pampasan dalam bentuk bayaran tahunan sebanyak 5,000 Rial Sepanyol dan Temenggung Abdul Rahman 3,00 rial setahun. Perjanjian 1824 yang menggantikan perjanjian 1819 memberikan Sultan Husin wang sebanyak 33,200 rial Sepanyol setahun dan elaun bulanan sebanyak 1,300 rial seumur hidup. Temenggung Abdul Rahman pula menerima 26,800 rial serta elaun bulanan sejumlah 700 rial Sepanyol sepanjang hayatnya. Crawfurd juga menggalakkan Sultan dan Temenggung meninggalkan Singapura dengan janji membayar masing-masing 20,000 rial Sepanyol dan 15,000 rial Sepanyol, supaya tidak timbul masalah rasa tidak senang pembesar Melayu dengan cara pemerintahan Singapura oleh Inggeris. Pada 22 Ogos 1824 juga permintaan Abdul Rahman kepada Stamford Raffles untuk membantunya agar anak sulungnya, Abdullah, dijadikan penggantinya telah tidak dipedulikan oleh Inggeris; sebaliknya adik Abdullah, iaitu Ibrahim, yang mewarisi jawatan Temenggung. Pada akhirnya, Ibrahim jugalah yang secara rasminya diiktiraf oleh British menjadi Temenggung Seri Maharaja negeri Johor pada 19 Ogos 1841 (Ahmat Adam 2009: 105-106) .

Penipuan Syarikat Hindia Timur Inggeris dalam memperdayakan kerajaan Kedah di bawah pemerintahan Sultan Abdullah Kedah yang berkesudahan dengan penyerahan Pulau Pinang dan Seberang Perai kepada Francis Light pada tahun 1786 juga sangat kurang diketahui oleh ramai orang Malaysia. Syarikat Hindia Timur Inggeris telah mengambil kesempatan apabila pada tahun 1784 Francis Light memujuk Sultan Abdullah Mukarram Syah Kedah memajukan Pulau Pinang untuk digunakan sebagai tempat memperbaiki kerosakan kapal-kapal Syarikat Inggeris dan sebagai balasannya Light menjanjikan pembayaran sebanyak 30,000 rial setiap tahun tetapi jumlah sebenar yang dibayar ialah 6,000 rial setahun sahaja. Pada bulan Julai 1786 Syarikat Hindia Timur Inggeris pun memerintah Pulau Pinang dengan Francis Light sebagai *Superintendent* pertama tanah jajahan itu. Light berjaya 'menipu' Sultan Kedah apabila dia membayangkan akan memberi bantuan kepada Kedah terhadap ancaman Siam dan Burma. Tetapi janji yang digula-gulakan oleh Light tidak pernah tertunaikan selepas enam bulan dan kemudiannya setahun dan bahkan sampai enam tahun pun Sultan Kedah masih menunggu surat yang tak kunjung tiba, baik daripada Gabenor-Jeneral, mahupun daripada

3 Trocki, 2007: 72, notakaki 15.

penguasa kolonial British di Eropah. Akhir-akhirnya Sultan Abdullah hanya menerima 10,000 rial sahaja; lain-lain yang dijanjikan tiada dipenuhi oleh Light sampailah ke akhir hayat Sultan. Malang menyusul lagi bagi Kedah apabila pada tahun 1799 ketika Sir George Leith menjadi Leftenan-Gabenor di Pulau Pinang, dia telah meminta pula agar wilayah Seberang Perai diserahkan kepada Syarikat Inggeris. Kerana siasah yang tidak bijak di pihak Sultan Kedah waktu itu, Sultan Diya'uddin Mukarram Syah, yang naik takhta pada tahun 1798, telah menyerahkan Seberang Perai kepada Inggeris pada tahun 1800 dengan menerima pampasan sebanyak 2,000 rial Sepanyol (Ahmat Adam 2009: 35 – 42). Tetapi perebutan takhta antara Diya'uddin dan anak saudaranya, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, telah berakhir dengan Ahmad Tajuddin menaiki takhta pada tahun 1804; namun hal ini berlaku bukanlah tanpa bantuan Siam.

Mengenai sejarah yang lebih purba lagi, besar kemungkinannya tidak ramai yang tahu hubungan negeri-negeri Semenanjung (Hujung Medini) seperti Muar, Pahang, Langkasuka, Kelang, Kedah, Jerai, Paka, Dungun, dan Kelantan dengan kerajaan Majapahit (Slametmulyana, 1979: 280). Selain itu, apabila berbicara tentang sejarah penyebaran Islam di Malaysia, selama ini orang hanya menampilkan peranan Melaka. Pada hal Islam sudah lebih terdahulu bertapak di Pahang iaitu pada 419 Hijrah (1028 Masihi) dan Terengganu pada 708 Hijrah (1308 Masihi) seperti yang dibuktikan oleh batu nisan Permatang Pasir di daerah Pekan, dan batu bersurat di Kuala Berang, Terengganu (Ahmat Adam 2017 (a): 59). Bahkan sebelum tarikh ini pun penemuan sebuah baldi (bekemungkinan di pantai timur juga) yang berukir dengan tarikh 577 Sanah (1181 Masihi cenderung menunjukkan Islam sudah bertapak jauh sebelum Melaka menjadi sebuah kerajaan.

Seyogia difahami juga, negara-negara yang didiami bangsa-bangsa rumpun Melayu seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Filipina (dan tidak terkecuali Singapura) adalah negara-negara baru yang terbentuk hasil daripada kolonialisme Eropah dan akibat proses sejarah yang berlaku sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Justeru yang demikian tidak mungkin sejarah Sarawak dan Sabah dapat difahami dengan baik tanpa merujuk kepada sejarah Brunei dan Sulu di Filipina. Namun, lantaran kekurangan sumber keadaan yang tidak seimbang dalam kajian sejarah antara negeri-negeri di Semenanjung dengan negeri-negeri di Borneo adalah masih merupakan satu masalah yang belum teratasi. Selain masalah sumber salah satu sebabnya juga ialah lantaran kesepian sikap para sarjana di Semenanjung umumnya, terhadap kajian mengenai Sabah dan Sarawak -- bukan sahaja di bidang sejarah, tetapi juga di bidang-bidang ilmu kemasyarakatan yang lain.

Persoalan yang saya kira paling ruwat yang dihadapi oleh pengkaji sejarah dewasa ini ialah persoalan periodisasi yang masih kabur tempatnya dalam pensejarahan Malaysia itu sendiri. Walaupun kita tidak mungkin boleh membicarakannya secara khusus di sini, namun seyogia diingatkan betapa perlunya para sejarawan Malaysia duduk bersama-sama membincangkan isu periodisasi ini. Ini kerana, saya kira, pembahagian periode sejarah Malaysia berdasarkan kehadiran kuasa-kuasa imperialis Eropah perlu ditinjau semula. Juga berkaitan dengan periodisasi ini ialah tempoh masa sebelum pecahnya Perang Dunia Kedua yang memperlihatkan gelombang pengaruh gerakan kiri yang dibawa oleh tokoh kiri seperti Tan Malaka dengan gagasan "Melayu Raya" yang mendapat dukungan Ibrahim Haji Yaacob, dan betapa gerakan ini dimanifestasikan dengan penubuhan Kesatuan Melayu Muda (Mei 1937) dan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (17 Oktober 1945). Justeru hal yang demikian, sejarah gerakan kiri Melayu yang telah menjalin kerjasama politik kiri dengan *All-Malaya*

Council of Joint Action (AMCJA) melalui Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) perlu sangat disisipkan dalam sejarah pembinaan nasion kerana melalui pertubuhan gabungan PUTERA-AMCJA inilah Perlembagaan Rakyat telah dilahirkan pada bulan Oktober 1947, yang jelas mendahului Perlembagaan 1948ajaan British. .

Demikian pula halnya dengan gerakan Parti Komunis Malaya (PKM) yang bermula pada tahun 1930. Dalam kalangan masyarakat masa kini pun terdapat pandangan yang enggan menganggap sejarah PKM sebagai sebahagian daripada proses sejarah pembentukan nasion Malaysia. Pada hal sejarawan perlu menulis sejarah dengan berasaskan kepada penyelidikan jujur (*'honest investigation'*) dan proses penyelidikan yang terbuka (*'open processes of research'*). Sejarawan dipertanggungjawabkan untuk menghuraikan sejarah secara objektif tanpa memesongkannya sehingga menjadi suatu diayah. Sejarah yang ditulis seharusnya berupa sejarah hal-hal utama yang relevan yang bersifat *'shared history'* yang mencakupi peranan semua golongan dan lapisan masyarakat yang memberi sumbangan kepada penyuburan *'national ego'* seperti yang disebut di bahagian pengenalan makalah ini.

Bagi rakyat Malaysia situasi masa kini yang merupakan penghasilan proses politik yang telah melahirkan sebuah negara baru Persekutuan Malaysia, pun sangat perlu diberikan penjelasan. Suara-suara sumbang yang dibangkitkan oleh golongan cauvinis dalam kalangan rakyat Malaysia sehingga kini jelas menunjukkan nasion yang baru ini menghadapi masalah politik perkauman yang belum kelihatan redanya. Sebagai contoh, baru-baru ini perlantikan seorang yang berketurunan India sebagai Peguam Negara dan juga perlantikan beberapa orang bukan-Bumiutera sebagai menteri dalam kabinet pasca pilihanraya ke-14 telah menimbulkan kritikan dan kecaman daripada golongan yang bersikap rasis lantaran tidak memahami isi kandungan Perlembagaan Persekutuan. Masih ada dalam kalangan masyarakat Malaysia yang tidak mahu mengakui situasi masa kini yang menunjukkan negara ini adalah negara berbilang kaum yang prasarana pembinaannya telah diprakarsai oleh kolonialisme British selepas Perang Dunia Kedua.

Dalam sejarah politik kolonial pasca-Perang Dunia kedua di Malaya langkah pertama British untuk menyelesaikan masalah persengketaan ras dalam masyarakat yang majmuk ialah dengan cuba merekayasa pada tahun 1944 suatu gagasan penyatuan sistem pemerintahannya bagi negeri-negeri yang disebut Federated Malay States, Unfederated Malay States serta Pulau Pinang dan Melaka⁴ kedalam sebuah "Kesatuan Malaya" yang lebih dikenali dengan nama *Malayan Union*. Seyogia diingati, Pulau Pinang dan Melaka, mempunyai ramai orang Cina dan Tamil. Apabila Pulau Pinang dan Melaka diletakkan di bawah kawalan pentadbiran *Colonial Office* sebagai *British Straits Settlements* pada tahun 1867, penduduk di kedua-dua wilayah itu pun diiktiraf sebagai rakyat British yang membezakan kedudukan mereka daripada rakyat raja-raja Melayu di Negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu.

Mengikut skema *Malayan Union*, British bercadang hendak memperluaskan pemberian kewarganegaraan kepada semua golongan penduduk, termasuk bangsa-bangsa

4 Pulau Pinang, Seberang Perai dan Melaka, bersama-sama dengan Singapura dijadikan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 tetapi diletakkan di bawah kawalan pentadbiran British di India. Hanya mulai tahun 1867 baru pentadbiran Negeri-Negeri Selat itu dipindahkan kepada *Colonial Office* di London. Seyogia diingati, Pulau Pinang merupakan negeri Melayu pertama yang dijajah oleh British. Ia telah diserahkan pada tahun 1786 atas muslihat Francis Light yang mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris; dan Melaka pula selepas kekalahan Belanda telah jatuh ke tangan Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1795; namun akhirnya pada tahun 1824 Melaka secara rasmi telah ditukar-gantikan oleh British dengan menyerahkan Bengkulu kepada Belanda.

bukan Melayu di seluruh Semenanjung. Alasan British ialah selepas Perang Dunia Kedua pemulihan ekonomi amat sangat diperlukan dan ia juga sebagai langkah awal untuk memberikan taraf berkerajaan sendiri kepada Malaya, yakni sesuai dengan penandatanganan *Atlantic Charter* oleh Britain yang antara lain menyatakan bahawa negara-negara yang dijajah berkemungkinan diberikan hak menentukan nasib sendiri (*self-determination*). Tetapi tanah jajahan British di Borneo dan Singapura tidak pula dimasukkan ke dalam rancangan seperti *Malayan Union* itu. Sebaliknya, Labuan, Borneo Utara dan Sarawak (dan juga Singapura) telah dijadikan “*Crown Colonies*”. Namun, sebaik sahaja *Malayan Union* mahu dilaksanakan oleh British pada 1 April 1946 orang Melayu melalui Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah menentang secara besar-besaran dan ini menyebabkan gagasan itu ditarik balik dan digantikan dengan gagasan Persekutuan Tanah Melayu⁵ pada 1 Februari 1948. .

Tetapi pada masa gagasan *Malayan Union* itu ditukar oleh British dengan Perjanjian Persekutuan 1948, keadaan di Tanah Melayu nampak menggelodak degan keresahan kaum buruh apabila harga getah jatuh mendadak pada pertengahan tahun 1947 dan gaji dan upah dikurangkan sehingga 20 peratus. Dengan berlakunya mogok kaum buruh dan penentangan terhadap pemilik ladang-ladang Eropah, kerajaan British telah bertindak mengharamkan sebarang tindakan mogok. Turut dilakukan ialah menangkap anggota-anggota parti komunis. Suasana tegang di antara British dan golongan komunis itu telah merangsang Parti Komunis Malaya (PKM) untuk melancarkan propaganda dalam kalangan ahli kesatuan sekerja dan mencetuskan kegiatan-kegiatan ganas apabila orang-orang PKM menyerang kaki tangan dan pekerja-pekerja lombong dan ladang milik orang Eropah. Bahkan pada pertengahan Jun 1947 PKM telah bertindak membunuh tiga orang pengurus ladang bangsa Eropah daripada lima orang awam dan ini mendorong kerajaan British mengisytiharkan “Darurat” di seluruh Malaya. Susulan daripada itu lebih 1700 orang komunis Cina telah ditangkap; ramai juga di antara mereka diusir keluar dari Malaya. Secara umumnya kegiatan-kegiatan Parti Komunis Malaya itu telah memberi kesan kepada pasukan keselamatan British antara 1948 dan 1951. Menjelang Oktober 1951 PKM mengambil jalan untuk melaksanakan strategi politiknya dengan cuba mempengaruhi masyarakat Cina agar menyokong gerakan mereka. Untuk membendung tindakan PKM itu British telah mengambil inisiatif menubuhkan *Malayan Chinese Association* dan melalui Rancangan Briggs masyarakat Cina yang tinggal di pinggir-pinggir desa telah ditempatkan di kampung-kampung baru yang dibina khas untuk mengasingkan komuniti Cina terbanyak daripada jangkauan pengaruh PKM. British juga melalui Pesuruhjaya Tinggi Gerald Templer, yang mula bertugas pada awal 1952, cuba

5 Mengenai penggunaan nama “Tanah Melayu” yang dalam bahasa Inggerisnya disebut *Malayan Peninsula* ternyata ia telah digunakan oleh Marsden (1783) dalam bukunya *A History of Sumatra*. Sementara itu antara tahun 1695 dan 1700 Alexander Hamilton yang melawat Melaka dan Johor telah menggunakan istilah “Malaya” untuk merujuk kepada orang Melayu dan juga Tanah [negeri] Melayu. Namun begitu Hamilton mungkin telah terpengaruh dengan sebutan *Malaier* oleh orang Belanda. Tetapi jauh sebelum kedatangan orang Eropah nama “negeri *Moloyu*” telah disebut pada abad ketujuh oleh pelayar Cina I Tsing yang merujuk kepada salah sebuah pulau di Laut Selatan di mana ramai dalam kalangan penduduknya beragama Buddha. Menurut Wang Gungwu pula dalam sumber Cina, “catatan Ch’en-Lun-chiung”, ungkapan *Wu-lai-yu tsu-lui* (iaiatu “bangsa Melayu”) telah pun dipakai pada abad ke-18. Di dalam *Hikayat Hang Tuha* iaitu karya sastera yang dihasilkan antara tahun 1630an dan 1660, nama “Tanah Melayu” telah disebut beberapa kali untuk merujuk kepada Melaka, Bentan, dan Tanah Semenanjung. Pada abad ke-19, iaitu mula-mula pada tahun 1809, Stamford Raffles pun telah menggunakan nama “*the Malayan Nation*” dan kemudiannya pada tahun 1818 “*the Malayu Nation*” dalam makalah yang terbit di dalam *Asiatick Researches*.

mengumpukan orang Cina secara politik bahawa British bakal memberikan kemerdekaan kepada Malaya dan seiring dengan umpanan ini British juga melalui Ordinan 1952 telah membuka peluang kepada orang Cina untuk menjadi warga negara Tanah Melayu. Kesannya, menjelang September 1952 sekitar 1,200,000 orang Cina telah diberi hak kewarganegaraan. Manakala angka warganegara berketurunan India pula ialah 180,000. Malahan Tunku Abdul Rahman sendiri menggalakkan kerjasama politik orang Melayu dengan Cina melalui penubuhan Parti Perikatan. Maka demikianlah terjadinya apabila British secara liciknya berjaya meminggirkan golongan komunis yang secara majoritinya terdiri daripada orang Cina dan memberikan harapan kepada orang Cina yang tidak bersekutu dengan orang-orang komunis untuk menjadi warganegara yang diiktiraf.

Banci bangsa-bangsa di Malaya sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua

Sebelum masuknya penjajahan Jepun, bilangan penduduk Malaya menunjukkan bahawa pada tahun 1931 daripada sejumlah 3,787,758 orang jumlah orang Melayu adalah 1,873,872 atau 49.2 % peratus; sedangkan orang Cina dan India mempunyai jumlah masing-masing pada kadar 1,284,888 atau 33.9 peratus dan 572,613 orang atau 15.1 peratus.

Menjelang tahun 1947 terdapat sejumlah 4,908,086 penduduk di seluruh Semenanjung. Daripada angka ini orang Melayu berjumlah 2,427,834 orang atau 49.5 peratus Melayu, Cina 1,884,534 orang atau 38.4 peratus, India 530,638 orang atau 10.8 peratus, dan lain-lain 65,080 orang atau 1.3 peratus. Pada tahun 1955 mengikut anggaran yang diberikan oleh Perangkaan Penduduk⁶ anggaran jumlah penduduk Malaya ialah 6,058,300 orang. Walau bagaimanapun, tiada angka perincian diberikan untuk masing-masing kaum yang membentuk penduduk Malaya. Menjelang tahun 1957 angka-angka ini telah meningkat, menjadikan penduduk Malaya 6,278,758 yakni terdiri daripada 3,125,474 (49.8 %), Melayu, 2,333,756 Cina (37.2 %). dan 696,186 India (11.1 %); dan lain-lain bangsa pula berjumlah 123,342 orang (2.0%).⁷

Angka-angka di atas jelas memperlihatkan betapa populasi Melayu itu sebenarnya merupakan golongan yang minoriti bukan sahaja pada tahun 1931 tetapi juga tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua iaitu antara tahun 1947 dan 1957.⁸ Dengan angka-angka ini

6 ([https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/3Time%20Seriesw/Malaysia Time Series 2015/22Perangkaan Penduduk.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/3Time%20Seriesw/Malaysia%20Time%20Series%2015%2022Perangkaan%20Penduduk.pdf))

7 (https://www.ehm.my/clients/Ehm_B4CF2D68-993E-4533-A79F-522733770A7E/contentms/economic/Popu_Table_5_8.pdf).

8 Sukar hendak memastikan angka tepat banci penduduk Malaya mengikut kaum. Tregonning misalnya mencatat penduduk Melayu pada tahun 1957 ialah 3,126,706 orang (49 peratus); manakala Cina 2,332,936 orang dan India 695,985 orang (Tregonning 1965: 6-7). Banci yang lain menunjukkan angka penduduk Malaya bagi tahun 1957 ialah 6,379,000. Melayu berjumlah 3,125,474, Cina 233,756, India 735,038 dan lain-lain 184,732. Lihat Khoo Boo Teik, *Ethnic Structure, Inequality, and Governance in the Public Sector Malaysian Experiences*, 2005: 4. Kedudukan semasa menurut banci 2010 pula, menunjukkan populasi Malaysia dianggarkan berjumlah 28,334,00 (termasuk yang bukan warganegara). Daripadanya, 22.5 juta mendiami Semenanjung Malaysia, manakala 5.72 juta tinggal di Malaysia Timur. Angka penduduk Melayu di Malaysia ialah 50.1 peratus, Cina 22.6 peratus, dan India 6.7 peratus, lain-lain 0.7 peratus. Terdapat 61.3 % Muslim, 19.8 % Buddhist dan 9.2 % Kristian, 6.3 % Hindu dan 1.3 % Konfusianis dan lain-lain agama Cina, dan 0.4 % lain-lain.

tidaklah dapat dipertikaikan masyarakat di Tanah Melayu itu adalah masyarakat berbilang kaum, sekalipun dari segi kewarganegaraan orang Melayu lebih mudah dianggap sebagai warganegara jika dipakai kaedah kuat kuasa undang-undang.

Tidak juga boleh dipertikaikan bahawa nasion yang disebut Malaya pada masa Merdeka dalam tahun 1957 itu adalah sebuah nasion yang bersifat “*multi-racial*, *multi-cultural* dan *multi-religious*”. Tetapi ini tidak pula bererti bahawa proses pembinaan nasion itu boleh menafikan hakikat bahawa arus sejarah negara ini mempunyai permulaannya dan umat yang mendiami negara ini pun ada asal-usulnya. Justeru itu dalam pada kita mengakui hakikat “*multi-racial*” dan “*multi-cultural*”nya nasion ini, kita juga perlu memperkukuhkan upaya penyatuan dan peneguhannya. Dari segi ini sejarah boleh memberikan sumbangannya iaitu dengan menceritakan masa silam itu berdasarkan penyelidikan -- demi kebenaran. Dan caranya ialah dengan memperlebar perspektif dan meluaskan tebaran jaring kajian para sejarawan.

Pembinaan sebuah nasion Malaysia yang berbilang kaum, berbilang bahasa, dan berbilang budaya serta agama.

Sebuah nasion moden seperti Malaysia sesungguhnya mempunyai memori yang melibatkan pengalaman yang beraneka ragam. Memang sudah ditakdirkan, pembinaan nasion yang menyaksikan kewujudan Perlembagaan pada 31 Ogos 1957 tampaknya berlaku atas inisiatif pihak kolonial British yang telah menjajah wilayah yang terangkum di dalam bumi yang kemudiannya dikenali sebagai Malaysia semenjak paruh kedua abad ke-18. Perlembagaan 1957 itu pun merupakan penggantian kepada suatu kerangka politik buatan British ketika termeterainya Perjanjian Persekutuan 1948. Kerangka perlembagaan yang disebut Perlembagaan *Federation of Malaya* inilah yang kemudiannya menjadi asas perundangan yang mengabsahkan kelahiran Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, yang dianggotai pada mulanya oleh Singapura, Sabah dan Sarawak. Sudah ditakdirkan juga bahawa negeri Singapura telah menjadi sebuah negara merdeka pada 9 Ogos 1965 apabila ia terkeluar daripada Persekutuan Malaysia. Maka dengan itu tinggalah Sabah dan Sarawak yang menganggotai Persekutuan Malaysia seperti sekarang ini.

Dewasa ini Malaysia adalah sebuah nasion yang masih dalam proses pengukuhanannya. Dikatakan demikian, justeru kerana masih terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh negara ini untuk tampil sebagai sebuah nasion yang bersatu padu yang rakyatnya memperlihatkan kesepaduan dari segi identiti atau jati dirinya yang bersifat nasional. Namun, kecemburuan kaum dan prasangka yang bersifat rasial masih dapat dilihat dalam perbahasan dan polemik mengenai politik kebangsaan sampai kini. Seyogianya diingati nasion “Malaysia” (yang merangkumi kawasan Semenanjung dan Sabah dan Sarawak) yang terdiri daripada bangsa-bangsa yang berbagai etnik, budaya dan sejarah asal usul itu masing-masing hanya baru -- yakni sekitar 45 tahun -- digemblengkan demi menanamkan kesedaran bahawa mereka adalah satu kesatuan kebangsaan Malaysia.

Walaupun sasaran menjadikan masyarakat berbilang kaum sebagai satu “kesatuan kebangsaan” disadari oleh setengah-setengah negarawan yang kenal dan péka serta tahu akan sejarah negara ini, khususnya periode selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, dan selepas British meninggalkan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura dan kemudiannya Sabah dan

Sarawak, namun tidak ramai dari kalangan orang politik di negara ini memahami secara telus bahawa negara yang terwujud sekarang ini adalah kesinambungan daripada sebuah negara yang bersendikan Perlembagaan yang digubal oleh sebuah suruhanjaya lantikan British atas permintaan Parti Perikatan ketika ia menuntut diadakan pilihanraya persekutuan antara tahun 1953 dan 1954.

Selepas memenangi pilihanraya persekutuan yang diadakan pada Julai 1955, pemimpin Perikatan, Tunku Abdul Rahman Putera, telah mendesak Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan British, Allan Lennox-Boyd, agar diadakan perbincangan mengenai kemerdekaan Malaya. Rentetan daripada perbincangan pihak kolonial British dan Parti Perikatan itu maka diadakanlah satu persidangan di London pada bulan Januari 1956 di antara kerajaan British, Parti Perikatan dan wakil-wakil bagi sembilan orang Raja-Raja Melayu. Hasilnya, Persidangan London itu bersetuju untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya yang dianggotai oleh beberapa orang pakar undang-undang dari negara-negara Komanwel bagi menggubal sebuah perlembagaan baharu dan pada masa yang sama menyatakan persetujuan untuk memberikan kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957.

Lord Reid, seorang Hakim Mahkamah Rayuan, telah dipilih untuk mengetuai suruhanjaya perlembagaan itu. Ahli-ahli yang lain terdiri daripada Sir Ivor Jennings, *Master* di Trinity Hall, dan bekas Naib-Canselor Universiti Cambridge, Sir William McKell, bekas gabenor-jeneral dari Australia, Hakim B. Malik, yang menjadi Ketua Hakim di Mahkamah Tinggi di Allahabad, India, dari Hakim Abdul Hamid dari Mahkamah Tinggi Pakistan Barat pada masa itu.

Suruhanjaya Reid itu memulakan tugasnya pada hujung Jun 1956 dan telah menerbitkan draf perlembagaan pada 20 Februari 1957. Suruhanjaya itu telah menerima 131 memorandum daripada berbagai pertubuhan politik dan sosio-ekonomi dan telah pun mengadakan lebih daripada 100 “sesi mendengar” di seluruh Malaya antara bulan Jun dan November 1956. Pada masa “sesi mendengar” itu cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh berbagai pertubuhan dan orang perseorangan, dan juga memorandum-memorandum kepada Suruhanjaya perlembagaan itu, Lord Reid dan rakan-rakannya pun mendapat kesan bahawa yang menjadi keprihatinan banyak orang dan pelbagai pihak ialah perkara-perkara yang menyentuh isu-isu kebebasan beragama, pendidikan dan penggunaan bahasa vernakular masing-masing kaum, serta hak sama rata kewarganegaraan (Fernando & Rajagopal, 2017: 6).

Di antara yang menyampaikan pandangan ialah Parti Progresif Rakyat, yang mendesak Suruhanjaya Reid agar mencontohi Perlembagaan India dan Pakistan dalam hal-hal yang menyentuh Hak Asasi. Pertubuhan *Pan-Malayan Federation of Chinese Associations* pula mendesak agar perlindungan perlembagaan diberikan terhadap bahasa dan kebudayaan Cina. Parti Buruh pun menganggap hak-hak asasi sebagai isu yang maha penting dan mengusulkan semua rakyat Malaya wajar diberikan hak yang sama dan berkongsi tanggungjawab yang sama. Manakala *Straits Chinese British Association* di Pulau Pinang pun menuntut hak asasi yang sama. Pertubuhan-pertubuhan lain seperti *Eurasian Union of Malaya* mahukan agar kebebasan beragama dijamin di dalam Perlembagaan. *Malayan Christian Council* juga mendesak agar kebebasan asasi dijamin dan menekankan betapa pentingnya wujud “kebebasan beragama sepenuhnya” (ibid: 7). Turut mengemukakan usul ialah Persatuan Melayu Semenanjung di Johor Bahru yang menuntut agar semua warganegara dianggap “sama di sisi undang-undang

kebangsaan dan semua warganegara diberi jaminan kebebasan menganuti mana-mana agama” (ibid.).⁹

Sekalipun tuntutan agar Islam dijadikan agama rasmi disuarakan oleh badan-badan seperti UMNO dan parti-parti Melayu yang lain, Suruhanjaya Reid cuba mengelak dengan memberikan dalih bahawa Raja-Raja Melayu telah meminta agar hal-hal agama dikekalkan sebagai urusan Negeri (*State matter*) (Fernando, 2012: 129). Pihak Raja-Raja mengemukakan pandangan bahawa perbekalan mengenai agama rasmi akan hanya menjejaskan kedudukan Raja-Raja sebagai Ketua agama Islam di dalam negeri masing-masing. Secara peribadi, ahli-ahli Suruhanjaya Reid pun merasa berat hati dalam hal ini lantaran adanya kontradiksi antara deklarasi Parti Perikatan bahawa Malaya adalah sebuah negara sekular dengan tuntutan UMNO agar Islam dijadikan agama rasmi. (ibid). Ivor Jennings dari Cambridge pun dalam catatan peribadinya pada laporan Suruhanjaya itu juga menyatakan sangat keberatan dengan idea mana-mana “golongan minority” (merujuk kepada orang Melayu yang pada ketika itu berjumlah kurang daripada separuh bilangan penduduk Malaya) menuntut agama rasmi. Anggota Suruhanjaya dari Pakistan, Hakim Abdul Hamid, pun pada mulanya bersetuju untuk tidak memasukkan “agama rasmi” kedalam Perlembagaan, tetapi kemudiannya bertukar fikiran; namun demikian, akhir-akhirnya dia pun gagal menyakinkan ahli-ahli lain bahawa masyarakat Islam di Malaya adalah bersifat *homogeneous* untuk memenuhi syarat untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi.

Tidak menghairankan, apabila laporan perlembagaan Reid itu dihebahkan ia jelas telah membangkitkan berbagai reaksi daripada penduduk Malaya, khasnya daripada pertubuhan-pertubuhan politik. Parti Negara, Parti Islam Se Tanah Melayu, dan Parti Ra’ayat adalah kelompok pembangkang Melayu yang menentang kuat laporan Suruhanjaya Reid itu. Bahkan Parti Ra’ayat bertindak memulaukannya dan menyatakan lebih baik Perlembagaan Tanah Melayu itu digubal oleh majlis perhimpunan perwakilan tempatan (Fernando 2002: 159 (nota 62)). Walaupun parti-parti pembangkang Melayu telah mengadakan Kongres Melayu kedua di Kuala Lumpur pada 4 Mei 1957 namun hasilnya tidak memberi kesan yang besar kerana isu-isu mengenai kedudukan istimewa orang Melayu, tuntutan agar Islam dijadikan agama rasmi, dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah pun diluluskan sebagai usul oleh majlis perhimpunan agung UMNO.

Perbincangan pelbagai pihak terhadap kandungan Perlembagaan yang dicadangkan itu ternyata memberikan tumpuan utama mereka kepada soal-soal kaum. Tampak jelas, reaksi yang timbul daripada pelbagai pihak di Malaya terbahagi terutamanya kepada reaksi daripada bangsa Melayu dan bangsa-bangsa bukan-Melayu, terutamanya Cina dan India. Betapapun demikian, mengenai isu kewarganegaraan, perbekalan undang-undang yang dimasukkan kedalam Perlembagaan jelas berasaskan hampir semua cadangan yang dikemukakan oleh memorandum Parti Perikatan (J. M. Fernando, 2002: 124).

Sesudah terbentuknya Malaysia, kaedah memperoleh kewarganegaraan telah diubahsuai atau diselaraskan tetapi masih berasaskan kaedah yang menggunakan prinsip kuat

9 Ketika membahaskan perkara mengenai hak-hak asasi itu para penggubal perlembagaan Malaya 1957 itu jelas telah berpancukan *Common Law* yang berasaskan perlembagaan-perlembagaan Komanwel dan kes duluan (*case precedent*) di India, Pakistan, Burma, Ireland dan juga Canada. Ada juga perbekalan undang-undang yang diilhamkan oleh perlembagaan Amerika Syarikat, Sri Lanka dan Afrika Selatan (Fernando & Rajagopal, 2017: 8)

kuasa undang-undang, melalui pendaftaran, dan melalui naturalisasi.¹⁰ Pada masa laporan Suruhanjaya Reid dibentangkan tidak banyak ditimbulkan perkara-perkara mengenai struktur pemerintahan dan peranannya; ataupun mengenai kuasa eksekutif dan kebebasan badan kehakiman; ataupun mengenai peranan Persidangan Raja-Raja yang telah dihadkan, ataupun baik-buruknya konsep Persekutuan yang ditekankan oleh Suruhanjaya itu. Sebaliknya masalah hubungan antara kaumlah yang diutamakan dalam perbahasan.

Penggubalan perlembagaan Reid itu pun telah dikaji semula oleh sebuah jawatankuasa di Kuala Lumpur yang dipanggil *Working Party*. Badan ini dianggotai oleh Pesuruhjaya Tinggi British, wakil-wakil Parti Perikatan dan juga wakil Raja-Raja Melayu. Kajian semula (*review*) itu dilakukan antara bulan Februari dan April 1957. Setelah selesai penyemakan perlembagaan itu maka ia pun dibahaskan pula oleh Parlimen British, dan juga di Majlis Perundangan Persekutuan di Malaya; dan kemudiannya barulah ia diterima pakai pada ketika kemerdekaan Malaya diisytiharkan pada 31 Ogos 1957.

Kebebasan Asasi

Sebagai ringkasan pada hasil penggubalan Perlembagaan Persekutuan itu dapat disimpulkan bahawa Perlembagaan inilah yang menjadi landasan pembinaan nasion Malaya dan kemudiannya Malaysia. Suruhanjaya Reid yang menghasilkan deraf Perlembagaan itu sangat menyedari betapa runcingnya perdebatan yang bercirikan kaum dan justeru kerana itu para penggubalnya telah memastikan agar kebebasan asasi atau *fundamental liberty* disisipkan sebagai jaminan bagi menjaga hak-hak kebebasan warga negara yang *multi-racial* dan *multi-cultural* di Malaya dan kemudiannya di Malaysia.

Justeru kerana ini satu daripada kebebasan asasi yang dimaktubkan dalam Perkara 8 (1) di dalam Perlembagaan Persekutuan ialah: “**Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang**”¹¹ dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang”. Perkara 8 (2) juga mengukuhkannya: “Kecuali sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh Perlembagaan ini, **tidak boleh ada diskriminasi** terhadap warganegara **semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan tempat lahir atau jantina** dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.”¹²

10 Untuk maklumat rinci mengenai pemerolehan kewarganegaraan Persekutuan Malaysia dan Persekutuan Tanah Melayu, sila lihat *Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan* (pindaan hingga – P.U. (A) 164/2009) dan J. M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, Kuala Lumpur: MBRAS 2002.

11 Penghitaman semua kata-kata yang hurufnya ditebalkan dimana-manapun di dalam makalah ini adalah disengajakan untuk tujuan penegasan.

12 Parti Perikatan sendiri telah mengemukakan lebih banyak cadangan mengenai hak-hak asasi dalam lampiran pada memorandumnya untuk dimaktubkan di dalam Perlembagaan Reid. Kebanyakannya berasaskan perbekalan undang-undang di dalam Perlembagaan India. Tidak menhairankan, senarai itu pun telah dikemukakan oleh wakil-wakil MIC (Malayan Indian Congress) yang duduk dalam Jawankuasa.

Agama Islam

Mengenai kedudukan agama Islam, Perkara 3 (1) dalam Bahagian I Perlembagaan Persekutuan ada menyatakan bahawa **Islam ialah agama bagi Persekutuan** tetapi **agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai** di mana-mana. Fasal (2) menyatakan di dalam Negeri-Negeri yang beraja, Raja berfungsi sebagai Ketua agama Islam. Bagi Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Yang Di-Pertuan Agong adalah mewakili Raja-Raja sebagai Ketua agama Islam. Perbekalan undang-undang ini adalah mengulangi apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan 1957. Seperti yang telah disebutkan tadi, di sebalik tuntutan Tunku Abdul Rahman dan UMNO serta parti-parti pembangkang Melayu yang menentang laporan Reid agar Islam dijadikan agama rasmi, Suruhanjaya Reid walau bagaimana pun lebih bersikap mahukan Malaya berstatus sekular dari segi agama. Akhirnya, Pejabat Kolonial British juga berasa lega apabila pada bulan Mei 1957 ketika diadakan Persidangan London para pemimpin Parti Perikatan telah menyatakan bahawa mereka **“tiada niat untuk membentuk sebuah teokrasi Muslim dan bahawa Malaya akan menjadi sebagai Negara Sekular”** (Fernando 3012: 163, mengutip CO1030/494 (20) dan CO1030/496 (10)). Kertas Putih yang disediakan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk mencadangkan perubahan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid juga menyatakan bahawa **“Telah dimasukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan yang dicadangkan itu suatu pengisytiharan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan. Dengan apa cara pun, ini tidak akan memberi kesan kepada kedudukan Persekutuan sebagai sebuah Negara sekular dan setiap orang adalah berhak untuk menganut dan mengamalkan agamanya sendiri dan berhak untuk menyebarkan agamanya, sekalipun hak yang terakhir ini akan tertakluk kepada mana-mana halangan yang dikenakan oleh Undang-Undang Negara berkaitan dengan penyebaran apa-apa doktrin agama dan kepercayaan dalam kalangan orang yang menganut agama Islam.”**

Walaupun istilah “sekular” tidak dicatat di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia namun Undang-Undang Persekutuan Perkara 4 (1) dengan tegas menyatakan: **“Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah** setakat ketidakselarasan itu.” Perkara 128 (1) pun menyatakan bahawa **“Hanya Mahkamah Persekutuan sahaja dan tidak mana-mana mahkamah lain [termasuk Syariah], mempunyai bidang kuasa bagi memutuskan mengikut mana-mana kaedah mahkamah yang mengawal selia perjalanan bidang kuasa sedemikian ----**

- (a) Apa-apa soal sama ada sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Patlimen atau Badan Perundangan sesuatu Negeri adalah tidak sah atas alasan bahawa undang-undang itu membuat peruntukan mengenai sesuatu perkara yang mengenainya Parlimen atau, mengikut mana-mana yang berkenaan. Badan Perundangan Negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang;

Undang-undang Syariah, walau bagaimanapun, diberikan kedudukan yang sah apabila Perkara 121 (1A) menyebutkan bahawa kewujudan dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya, [iaitu satu di Negeri-Negeri Tanah Melayu ... dan satu di Negeri Sabah dan Sarawak, tidaklah bererti mahkamah-mahkamah itu mempunyai bidang kuasa “berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah syariah”.

Kebebasan beragama sesungguhnya ditekankan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Perkara 11. (1) yang menyatakan: **“Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya** dan, tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkannya.” Fasal (4) menyatakan bahawa “Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan **boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganut agama Islam.**

Konsep Persekutuan

Dari segi bentuk kenegaraan, baik dalam perlembagaan tahun 1957 mahupun Perlembagaan Persekutuan Malaysia, sistem demokrasi berparlimen yang terdiri atas dua buah dewan, adalah dimaktubkan sebagai kaedah pemerintahan negara. Ia bertujuan untuk menjamin wujudnya sebuah kerajaan pusat yang kuat tetapi dengan ruang untuk autonomi negeri-negeri.

Kedudukan Raja-Raja

Dalam sistem demokrasi berparlimen itu kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai raja-raja berperlembagaan adalah terjamin; dan turut dimaktubkan ialah pemilihan seorang Ketua Utama Negara oleh Majlis Raja-Raja yang digelar Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh lima tahun. Anggota Majlis Raja-Raja boleh bertindak menurut budi bicara mereka dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan peranannya seperti (a) memilih Yang di-Pertuan Agong, atau Timbalannya, (b) memberikan nasihat mengenai apa-apa perlantikan, (c) memperkenankan atau tidak memperkenankan apa-apa undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri atau yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja; (d) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh; (e) perlantikan anggota Mahkamah Khas; (f) memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman.

Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu

Bahawa hasrat mewujudkan suatu kebangsaan yang sepunya (*common nationality*) adalah matlamat utama dalam pembinaan nasion Malaysia dapat disaksikan daripada pemaktuban Perkara 152 (1) yang menyatakan “Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ini tidak syak lagi adalah justeru kerana penggubal Perlembagaan Persekutuan mengambil kira faktor sejarah yang telah menyumbang ke arah pembentukan nasion ini. Namun demikian, proses sejarah jugalah yang menyebabkan termaktubnya Perkara 152 (1) (a) yang mensyaratkan: **“Tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang** daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada **mengajarkan atau belajar**, apa-apa bahasa lain.” Schubungan dengan bahasa Inggeris pula, Perkara 152 (2) menyatakan, “Walau apa pun peruntukan Fasal (1) selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari

Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen, di dalam Dewan Undangan tiap-tiap Negeri. Dan bagi segala maksud rasmi yang lain.”

Fasal 4 menyatakan: Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris. Demikian pula Fasal 5 yang menyatakan bahawa segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.

Hak Istimewa Orang Melayu dan Anak Negeri Sabah dan Sarawak

Menyedari hakikat perlunya ada perseimbangan dalam pembinaan nasion yang berbilang bangsa, budaya dan bahasa ini, para penggubal Perlembagaan juga mengambil kira bahawa lantaran proses sejarah negara ini, undang-undang yang boleh melindungi dan meningkatkan keupayaan orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak bersaing dengan kaum-kaum bukan-bumiputera di bidang ekonomi, dan pendidikan, perlu dimaklumkan dan hasilnya ialah undang-undang seperti yang terpancar di dalam Perkara 153 (1): “Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi **kedudukan istimewa** orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak **dan kepentingan sah kaum-kaum lain** dan juga menyatakan di dalam Perkara 153 (2): “... Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan fungsinya untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan untuk memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak apa-apa perkadaran yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong daripada jawatan dalam perkhidmatan awam (selain perkhidmatan awam sesuatu Negeri) dan daripada biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya, atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan apabila apa-apa permit atau lesen dikehendaki oleh undang-undang persekutuan bagi mengendalikan apa-apa pertukangan atau perniagaan ...”.

Terkait dengan faktor arus sejarah negara juga ialah penggubalan undang-undang yang melibatkan isu tanah, yang bertujuan melindungi hak pemilikan tanah rizab orang Melayu. Di dalam Perkara 89 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan “Mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang merupakan tanah simpanan Melayu sebaik sebelum Hari Merdeka mengikut undang-undang yang sedia ada boleh terus menjadi tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri itu ...” Perkara 89 (6) pun menyatakan bahawa “tanah simpanan Melayu” ertinya tanah yang disimpan untuk diberi hak milik kepada orang Melayu **atau kepada anak negeri** bagi Negeri tempat terletakinya tanah itu.”¹³

13 Walaupun demikian Perkara 95D dan 95E di dalam Perlembagaan menyatakan bahawa Negeri Sabah dan Sarawak adalah terkeluar daripada kuasa Parlimen untuk meluluskan undang-undang seragam mengenai tanah atau majlis tempatan; dan Negeri Sabah dan Sarawak adalah terkeluar daripada rancangan negara bagi penggunaan tanah, kerajaan tempatan, pembangunan dan sebagainya.

Penutup

Jika diperhatikan proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan sejak bermula dengan Suruhanjaya Reid, maka jelas sekali Perlembagaan Persekutuan langsung tidak mengeneipkan faktor **kepelbagaian** dan **kemajmukan masyarakat** Malaya dan kemudiannya Malaysia dalam proses pembinaan nasion.

Dewasa ini nasion yang telah wujud sejak 1957, dan diperbesarkan dengan pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 adalah warisan sejarah yang tidak perlu dipertikaikan kesahihannya. Arus perjalanan sejarah sehingga terbentuknya Perlembagaan Persekutuan sebagai Undang-Undang Utama negara adalah bukti kukuh kewuduan **nasion yang tidak lagi boleh dipanggil** sebagai nasion atau negara orang Melayu, atau negara orang Cina, atau negara orang Dusun atau Iban, atau negara yang hanya dimiliki oleh kaum tertentu sahaja – tetapi adalah negara moden yang dimiliki oleh **semua** bangsa-bangsa yang memiliki kewarganegaraannya iaitu berteraskan prinsip-prinsip **kesamarataan hak** dan keadilan sejagat. Sekalipun kerangka prasarananya memperlihatkan kewujudan institusi Raja berperlembagaan dan Islam sebagai agama Persekutuan, serta bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, dan orang Melayu serta anak negeri Sabah dan Sarawak diberikan hak-hak istimewa, tetapi ini hanyalah sebagai mengabsahkan perjalanan sejarah wilayah-wilayah Malaysia dan suku kaum yang mendiaminya sejak waktu silam. Ia sama sekali tidak melunturkan sifatnya sebagai sebuah negara berpemerintahan **sekular** dan bersifat **berbilang kaum, berbilang-budaya, dan bercirikan diversity** atau **keberanekaan**.

Rujukan

- (https://www.ehm.my/clients/Ehm_B4CF2D68-993E-4533-A79F-522733770A7E/contentms/economic/Popu_Table_5_8.pdf) (Diakses pada 1 September 2018).
- (https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/3_Time%20Series/Malaysia_Time_Series_2015/22Perangkaan_Penduduk.pdf) (Diakses pada 1 September 2018).
- Federal Constitution* (Reprint) As at 1 November 2010, Kuala Lumpur: Commissioner of Law Revision, Malaysia.
- Ahmat Adam, 2017 (a). *The New & Correct Date of the Terengganu Inscription*, Petaling Jaya: SIRD.
- _____, 2009. *Letters of Sincerity. The Raffles Collection of Malay Letters (1780 – 1824). A Descriptive Account With Notes and Translation*, Kuala Lumpur: MBRAS.
- _____, 2013. *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Andaya, Barbara Watson & Lonard Y. 2001. *A History of Malaysia*, Basingstoke, Hampshire: Palgrave.
- Fernandez, Dorothy Z. et al. 1975. *The Population of Malaysia*, C.I.C.R.E.D. series.
- Fernando, Joseph H., 2002. *The Making of the Malayan Constitution*, Kuala Lumpur: JMBRAS.
- _____, & Shanthiah Rajagopal, 2017. “Fundamental Liberties in the Malayan Constitution and the Search for a Balance, 1956 – 1957”, *Internaional Journal of Asia-Pacific Studies* 13 (1): 1-28.
- Khoo Boo Teik, 2005. *Ethnic Structure, Inequality and Governance in the Public Sector. Malaysian Experiences*, Geneva: United Nations Research Institute for Social Development.
- Slamemulyana, 1979. *Nagarakretagama dan tafsir sejarahnya*, Jakarta: Bhratara.
- Tregonning, K. G., 1965. *Malaysia*, Sydney: Angus & Robertson.
- Trocki, Carl A., 2007. *Prince of Pirates. The Temenggongs and the Developent of Johor and Singapore 1784 – 1885*, Singapore: National University of Singapore Press.
- Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan* (Pindaan sehingga P.U. (A). 164/2009. Lawnet Percetakan Nasional Malaysia Bhd.